



# **BULETIN AL MANSOORAH**

## **PENTINGNYA TAUHID**


Tauhid merupakan paksi dan asas kepada agama. Setiap peraturan, amalan, peribadatan dan undang-undang dalam Islam adalah berteraskan kepada tauhid. Semangat tauhid bukan sahaja dapat membebaskan umat Islam daripada kepercayaan khurafat dan minda yang jumud tetapi juga mencorakkan akal budi orang-orang Islam dengan menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bertamadun kepada keupayaan dan usaha untuk meningkatkan potensi dan memajukan diri.

### **FUNGSI TAUHID DI SEKOLAH**

Tauhid mendidik manusia agar menjaga hubungan antara satu samala lain berlandaskan nilai-nilai masyarakat, toleransi, kasih sayang, kefahaman dan keadilan. Apabila manusia itu telah mengenal Allah, maka ia akan sentiasa melihat cinta dan kasih sayang Allah dengan terang dan nyata.

Dengan demikian, ia akan menetapkan dirinya dengan bersungguh-sungguh untuk tidak melakukan kerosakan, keburukan, ketidakadilan kepada orang lain dan seluruh isi alam. Ini adalah kerana dengan pandangan tauhid, ia sentiasa melihat bahawa segala-galanya adalah milik Allah semata-mata.

Tauhid menjadi teras kepada keikhlasan untuk melakukan sesuatu perkara. Dengan tauhid yang benar, manusia akan sentiasa mensyukuri apa sahaja kurniaan Allah samada dalam perkara yang baik ataupun buruk.





## TAUHID MENEGUHKAN IMAN

Disusun oleh Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD, FSASS, FMIOASD

Diriwayatkan dalam Perang Dzaturriqa, seorang perempuan musyrik terkena lemparan anak panah seorang muslim. Setelah perang berakhir, suami perempuan itu melihat keadaan isterinya dan bergegas untuk menuntut balas. Dia mengumpulkan maklumat mengenai lokasi markas orang Islam dan memasang niat hendak melancarkan serangan pada malam hari hingga dapat melunaskan dendamnya. Riwayat itu menyatakan pada malam itu, saat Nabi SAW hendak masuk rumah, baginda SAW bersabda, "Siapakah yang mahu berjaga malam ini?" Ammar bin Yasar dan Abbad bin Bisyr bangun dan berkata, "Kami (siapa berjaga), wahai Rasulullah". "Berjagalah dekat gerbang Syi'ib". Saat itu baginda SAW dan para sahabat menginap di Syi'ib, sebuah lembah.

Kedua orang sahabat itu pun pergi menuju ke gerbang Syi'ib. Abbad bertanya, "Kamu ingin aku berjaga di awal atau di akhir malam?" Ammar menjawab, "Kamu berjagalah di awal malam, dan aku di akhir malam" Kemudian Ammar berbaring lalu tidur. Abbad mendirikan solat sunat sambil berjaga. Ketika itulah suami wanita musyrik itu datang. Ketika melihat Abbad yang sedang solat, lelaki itu tidak menyia-nyiakan kesempatan. Ia langsung melepaskan panah ke arah Abbad dan tepat mengenai tubuhnya. Terkena panah tidak membuat Abbad membatalkan solatnya. Sebaliknya ia hanya mencabut panah dan melanjutkan solatnya. Lelaki itu kembali melemparkan panah. Dan Abbad tetap berdiri dalam solatnya. Untuk ketiga kalinya lelaki itu meluncurkan panah, dan Abbad mencabut panah yang tertancap di tubuhnya, lalu ia rukuk, lantas sujud.

Setelah selesai solat barulah Abbad membangunkan Ammar dan berkata, "Bangunlah, ada orang yang datang". Ammar terkejut ketika melihat suami wanita musyrik itu berada dekat dengan mereka. Ketika memandang mereka berdua, lelaki itu tahu bahawa kedua orang sahabat itu menjadi benteng hidup kepada Rasulullah SAW dan menjadikan diri mereka sebagai penebus sumpahnya. Ammar terkejut melihat sahabatnya Abbad berlumuran darah, "Subhanallah! Kenapa kamu tidak membangunkanku saat pertama kali kamu terkena panah?" Abbad menjawab, "Aku sedang membaca salah satu Surah dan aku tidak mahu memutuskan bacaanku sampai selesai. Saat beberapa anak panah menancap di tubuhku, aku pun menyelesaikan solat dan membangunkanmu. Demi Allah, jika tidak kerana tugas berjaga yang diperintahkan Rasulullah, nescaya jiwaku sudah lepas dari raga sebelum aku memutuskan menyelesaikan bacaanku".